

Bab 6

Kesimpulan.

Kajian ini telah memperlihatkan permulaan penghijrahan orang-orang Foochow dari negeri China ke bandar Sitiawan. Ia juga telah memberi sedikit pengetahuan tentang bagaimana bandar Sitiawan bermula sebagai sebuah pentempatan peneroka baru dari Negeri China. Kawasan Sitiawan telah pun dinaikkan statusnya kepada sebuah bandar sekarang dan sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun gereja pertama di Sitiawan iaitu Pioneer Methodist Church masih lagi berdiri megah hari ini di Kampung Koh.

Kajian ini juga telah menonjolkan kepada orang ramai tentang permulaan mahzab Methodist ke Malaysia. Sejarah penubuhan gereja-gereja Methodist juga telah disertakan dari tahap permulaannya sehinggalah ke sekarang.

Penonjolan gereja Sitiawan Wesley Methodist ini juga telah ditimbulkan. Tahap pembangunan gereja ini juga telah disertakan dengan ringkas. Gereja ini telah maju setapak lagi dengan rancangan mereka untuk mendirikan sebuah gereja baru yang boleh memuatkan sehingga sebanyak 800 orang ahli. Aktiviti-aktiviti gereja ini juga telah dipaparkan dalam kajian ini.

Pengertian pergerakan Karismatik juga telah disimpulkan dalam satu kesimpulan yang senang supaya

pengertiannya dapat dilihat oleh orang ramai yang mempunyai masalah untuk mendapatkan satu pengertian yang tepat. Kedudukan pergerakan Karismatik ini dalam gereja Sitiawan Wesley Methodist juga telah diperlihatkan. Lumrahnya, ahli-ahlinya mempunyai satu pemikiran yang terbuka terhadap isu ini jika ia tidak bercanggah dengan ajaran Alkitab.

Akhir kata diharapkan kajian ini telah memberi sedikit sebanyak gambaran tentang gereja Methodist dan kemasukan orang Foochow serta penyebaran agama Kristian mahzab Methodism di Sitiawan. Begitu juga diharapkan pengkaji telah memberi sedikit sebanyak gambaran tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh gereja Sitiawan Wesley ini dalam memainkan peranannya sebagai sebuah institusi agama. Pergerakan Karismatik dari sudut pandangan Methodist serta pendirian gereja Sitiawan Wesley Methodist terhadapnya juga telah disertakan dalam kajian ini.